

# Kor SUKSIS uji ketahanan diri di Sungai Pahang



**K**uala Sungai Pahang menjadi saksi ujian getir ketahanan pelatih Kor Suka relawan Siswa/Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sedang menjalani beberapa siri latihan lasak pada 22 Mac 2009 yang lalu.

Seramai 79 orang pelajar bersama lapan buah rakit dan diiringi 18 buah kayak menjalani latihan lasak berkenaan.

Mereka dibantu oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Jabatan Pertahanan Awam 3, Pasukan Gerakan Marin dan jurulatih Kor Suksis UMP untuk menyertai ekspedisi berakit pada kali ini.

Acara bermula sebaik sahaja Pendaftar UMP, Supt/KS Hj. Mustapha Ibrahim melepaskan satu das tembakan ke udara.

Ekspedisi itu melibatkan beberapa laluan iaitu di Kampung Sungai Pinang, Kampung Pelak, Sekolah Kebangsaan Pelak dan garisan penamat di Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai.

Majlis Penutup Pertandingan Ekspedisi Berakit Sungai Pahang Kor SUKSIS telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Polis Pahang, SAC 1 Datuk Sharifuddin Abd Ghani.

Turut hadir ADUN Pulau Manis, Yang Berhormat Khairuddin Mahmud, Ketua Jabatan Pengurusan IPK Pahang, ACP Junaidi Mashud, Komandan Kor SUKSIS UMP, ACP/KS Prof. Dr. Abd Jalil Borham dan Ketua Polis Daerah Pekan Supt. Yahya Othman.

Datuk Sharifuddin berkata, pembabitan pelajat IPT yang begitu aktif dalam aktiviti luar kampus khususnya aktiviti kemasyarakatan, dilihat mampu mengeratkan hubungan kedua-dua belah pihak dan seterusnya menyumbang ke arah membantu polis memerangi jenayah.

Tambah beliau lagi, menerusi aktiviti sedemikian, pelajar boleh menyalurkan panduan mencegah jenayah di kawasan kediaman dengan mengadakan ceramah atau mengedor risalah.

“Selaku generasi muda yang berpendidikan, mereka mampu melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memantau dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat berhubung keselamatan dan sebagainya.

“Dengan adanya hubungan baik dengan masyarakat mereka berperanan sebagai penyalur maklumat kepada polis untuk pencegahan kes jenayah dalam komuniti mahupun kampus,” katanya.

Menurut Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), ACP/KS Profesor Dr. Abd. Jalil Borham, aktiviti ini menekankan aspek kepemimpinan, *team working*, pemikiran kreatif dan mengekalkan tahap kepolisian.

“Pembabitan dan kerjasama pihak Ibu Pejabat Kontingen (IPK) Polis Negeri, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) dan jabatan-jabatan lain dalam Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan memberi pendedahan dan pengalaman pelatih memahami dunia kepolisian melalui aktiviti-aktiviti luar.

*“Dengan adanya hubungan baik dengan masyarakat mereka berperanan sebagai penyalur maklumat kepada polis untuk pencegahan kes jenayah dalam komuniti mahupun kampus,”*

- SAC 1 Datuk Sharifuddin Abd Ghani

“Pelatih diminta mengekalkan prestasi sehingga tamat pertaulihan nanti dan pengalaman ini bukan hanya untuk memenuhi keperluan pengajian malah apa yang penting peranan Kor SUKSIS dalam membantu pihak universiti dan masyarakat komuniti meningkatkan kesedaran pencegahan jenayah serta memelihara ketenteraman awam,” katanya.

Sehari sebelum ekspedisi bermula, pelajar mengadakan program kemasyarakatan dan beramah mesra dengan penduduk Kampung Belimbing serta mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Kampung Belimbing.

Selain itu juga turut diadakan perlawanan bola sepak berkain pelikat antara pelatih Kor SUKSIS menentang penduduk kampung dan bacaan Tahlil dan Kenduri Doa Selamat di Masjid Tok Tuan.